

Tragedi bot terbalik

Penantian keluarga berakhir

Korban ketujuh, kelapan ditemui semalam

Oleh Nor Amalina Alias dan Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my



Maritim Malaysia berjaya membawa balik mayat mangsa dengan bantuan nelayan dan kerjasama daripada semua pihak serta agensi yang terbabit dalam SAR.

Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob, Pengarah Maritim Malaysia Kelantan

Bachok: Penantian hampir seminggu keluarga mangsa bot terbalik, menemui noktah apabila mangsa terakhir, Arman Ismail, 42, ditemui terapung di lokasi kira-kira 40 batu nautika dari Jeti Perikanan Kemasin, pada jam 2.20 petang semalam.

Korban kelapan tragedi itu ditemui nelayan dan anggota Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) yang membuat rondaan operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Ketua Polis Daerah Bachok, Deputy Superintendan Shamsulmuddin Sulaiman, berkata mayat mangsa tiba di jeti pada jam 5.12 petang semalam sebelum identitinya disahkan oleh kakak mangsa, Aida Ismail, 50, dan keluarga berdasarkan pakaian mangsa.

"Selain itu, pemeriksaan pada mayat turut menemui kad pengenalan, kad bank dan dokumen mengandungi nama mangsa. Penemuan ini menjadikan semua mangsa yang hilang sudah berjaya ditemui," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Shamsulmuddin berkata, mayat mangsa yang berasal dari Bukit Marak itu dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) Kota Bharu, untuk bedah siasat.

Sementara itu, Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob, berkata mayat mangsa te-



Anggota Bomba dan Penyelamat Daerah Bachok membawa mayat mangsa bot karam ke Jeti Perikanan Kemasin, Kota Bharu, semalam. (Foto Nor Amalina Alias)

rakhir dijumpai kira-kira 31.4 batu nautika dari jarak lokasi kejadian bot terbalik.

Katanya, mangsa terakhir ini ditemui pada jarak tiga batu nautika daripada mayat mangsa yang ketujuh yang juga ditemui pada pagi semalam.

"Maritim Malaysia berjaya membawa balik mayat mangsa dengan bantuan nelayan dan kerjasama daripada semua pihak serta agensi yang terbabit dalam SAR.

"Kita akan terapkan kerjasama seperti ini dalam operasi akan datang kerana kita sudah melihat dengan bantuan sistem SAROPS (sistem pencarian dan penyelamat optimal) dan nelayan serta agensi, kita dapat selesaikan pencarian dengan cepat," katanya.

Sementara itu, mayat mangsa ketujuh, Che Wadi Bakar, 44, ditemui terapung oleh nelayan, di

lokasi 37.1 batu nautika dari Jeti Perikanan Kemasin pada jam 10.30 pagi semalam.

Adik bongsu Che Wadi, Che Normah Che Bakar, 35, berkata dia bersyukur selepas enam hari SAR dilakukan pasukan penyelamat, akhirnya jasad abangnya ditemui.

Katanya, sejak abangnya hilang bersama beberapa pemancing selepas bot yang dinaiki terbalik di badai ribut, mereka sekeluarga mengadakan solat hajat sebagai iktikar terakhir, selain tidak putus berdoa agar jasad abangnya ditemui.

"Walaupun sudah dapat merasa dari awal lagi bakal kehilangan abang selepas mengetahui kejadian bot terbalik, kami sekeluarga sudah reda memandangkan mangsa yang terselamat menceritakan abang berada di bahagian belakang bot dan terjatuh ke

dalam air sebelum hilang.

"Pada pagi tadi (semalam), kami dimaklumkan oleh anggota penyelamat yang memberitahu seorang lagi mangsa yang hilang ditemui dan jantung bagaikan terhenti selepas pengesanan yang dilakukan adik-beradik di jeti adalah mayat abang," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Che Normah berkata, mayat abangnya dibawa ke HRPZII untuk dibedah siasat sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kedai Buloh.

Isnin minggu lalu, sebuah bot yang dinaiki 20 individu termasuk tekong bot terbalik di Perairan Kemasin mengakibatkan 12 mangsa selamat, empat meninggal dunia dan empat hilang.

Bot terbabit dikatakan berlepas dari jeti Kuala Besar kira-kira jam 3 petang untuk tujuan memancing dan menyandang sotong.